

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT, 'LOCAL AGENDA 21'
DAN PEMBANGUNAN MAMPAN, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BIL. 3/2019

Tarikh : **17 Disember 2019 (Selasa)**

Masa : **11.30 Pagi – 01.40 Petang**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Semarak, Tingkat 4,
Majlis Perbandaran Sepang
Cyberjaya, Selangor**

KEHADIRAN

1. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim - Pengerusi
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sepang
2. Encik Lwi Kian Keong
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon KLIA
3. Encik Gun Chee Hui,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Kota Warisan
4. Encik Lee Kang Ming,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Timah Langat
5. Encik Mohd Shafinye bin Mohd Nasoha
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Dengkil
6. Encik Mohd Syamsol bin Md Shariff,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Taman Mas & Putra Prima
7. Encik Rushdan bin Mohamed,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Putra Perdana
8. Encik Hazimun Rahmat bin Mohammad,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Labu
9. Encik Mohd Syahrul Amri bin Mat Sari,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Jenderam

10. Encik Yusop bin Md Dohop,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Zon Bandar Bukit Puchong
11. ASP Tuan Mohd Sobri bin Taib
Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang
12. Encik Hamidon bin Rofiaae
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
13. Puan Noraffizah binti Suhaini
PlanMalaysia@Selangor
Jabatan Perancangan Bandar Negeri Selangor
14. Encik Norafizah binti Abu Bakar
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Selangor
15. Encik Zulhelmi bin Md. Pisol
Jabatan Belia & Sukan Daerah Sepang
16. Encik Muhammad Emre bin Abdul Razaw
Jabatan Pendidikan Daerah Sepang
17. Encik Bobby Voo
Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Sepang
18. Puan Noor Faradila binti Paiman
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS)
19. Encik Ahmad Khairee bin Ahmad Julaihi
Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)
20. Nur Dalila binti Mazlan
Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)
21. Tuan Saiful Hamiruzzaman bin Mohd Hazir
Exco Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia
22. Encik Mohd Ezzat Nur Bin Nor
Rapid Bus Sdn. Bhd.
23. Encik Abd. Latif
Rapid Bus Sdn. Bhd.
24. Encik Shahrul Sarhadat
Rapid Bus Sdn. Bhd

TURUT HADIR

25. Puan Nor Suhaila Binti Saat
Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Sepang
26. YM. Raja Zulhelmi Bin Raja Salleh
Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Sepang
27. Puan Rosziana Binti Bassin
Unit Pengurusan Maklumat, Majlis Perbandaran Sepang
28. Encik Mohd Fahmy Bin Tumut
Pengarah, Jabatan Penilaian, Majlis Perbandaran Sepang
29. Puan Nurulbaiti Binti Zainuldin
Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Sepang
30. Cik Arefah Binti Rahim
Pengarah, Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Sepang
31. Puan Izzaty Arina Binti Mohd Shabarudin
Penolong Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Perbandaran Sepang
32. Puan Nur zianah Binti Ahmad
Pengarah Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran
33. Encik Noor Halif Bin Noorzan
Pengarah, Jabatan Perlesenan Dan Pengurusan Penjaja, Majlis Perbandaran Sepang
34. Encik Mohd Azran Bin Musa
Pengarah, Jabatan Penguatkuasa, Majlis Perbandaran Sepang
35. Puan Afra' Fardillah Binti Zaimustapar
Unit Korporat Dan Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Sepang
36. Puan Aziaton Binti Shuib
Unit Pusat Setempat, Majlis Perbandaran Sepang
37. Encik Mohamad Shahidan Bin Hashim
Ketua, Unit Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Sepang
38. Mohd Zaki Bin Mohd Ansor
Unit Audit Dalam
39. Puan Nur Hidayati Binti Dahalan
Ketua, Unit Tender dan Kontrak, Majlis Perbandaran Sepang
40. Puan Siti Nadiah Binti Mohamad Saian ,
Penolong Pengarah, Bahagian Rancangan Pemajuan dan Penguatkuasaan,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
41. Encik Muhammad Syahir Bin Muhammad Syariff
Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Hijau, Smart City & Pelaburan,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang

URUSETIA

42. Encik Mohd Adham bin Haji Mahmood,
Penolong Pengarah,
Bahagian Pengangkutan dan Pembangunan Mampan,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
43. Puan Norlizawati binti Samsudin,
Penolong Pegawai Perancang Bandar,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
44. Encik Ibnu Walid bin Zaaba
Penolong Pegawai Perancang Bandar,
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Dr Teo Lian Seng
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Zon Arked
2. Encik Muhamad Mizan Adli Bin Mohd Noor
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Pinggiran Putra
3. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)
4. Pejabat Tanah dan Daerah (PTD Sepang)
5. Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Sepang
6. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Sepang
7. Jabatan Imigresen Negeri Selangor
8. Pejabat Kesihatan Daerah Sepang
9. Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Daerah Sepang
10. Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri Selangor
11. Malaysia Green Technology Corporation (Greentech)
12. Pejabat Agama Islam Daerah Sepang
13. Sustainable Energy Development Authority M'sia (SEDA)
14. Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Perbandaran Sepang
15. Unit Undang-Undang, Majlis Perbandaran Sepang

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN Pengerusi

YBhg Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sepang selaku pengerusi mesyuarat mengucapkan selamat sejahtera dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.

Tuan Pengerusi memaklumkan mengenai signifikan dan kepentingan Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, LA21 dan Pembangunan Mampan, MPSepang. Tuan Pengerusi menegaskan tentang penglibatan dan kerjasama agensi lain di dalam jawatankuasa ini yang turut dijemput bagi bersama-sama pihak MPSepang sebagai 'platform' dalam membincangkan serta merancang pembangunan berorientasikan 'Smart City' khususnya di bandar Cyberjaya. Di samping pembangunan 'Smart City', aspek-aspek keselamatan juga perlu di ambilkira seperti penggunaan CCTV serta jumlah CCTV yang berfungsi dan berkualiti di Daerah Sepang khususnya perlu diberikan keutamaan yang kini menjadi tumpuan dan fokus pihak Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Pengerusi juga memaklumkan kearah mewujudkan pembangunan Bandar Rendah Karbon (Low Carbon City), pihak MPSepang telah mendapat pengiktirafan 4 diamond melalui program LCCF khususnya bagi Zon Cyber 1, Cyberjaya yang disampaikan oleh pihak Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). Tuan Pengerusi juga memaklumkan bahawa bandar Cyberjaya menjadi tumpuan di peringkat negeri dan juga negara, malahan di peringkat dunia. Justeru itu, tumpuan perlu diberikan kepada matlamat asal penubuhan Cyberjaya iaitu kearah mewujudkan MSC (Multimedia Super Corridor). Justeru itu, tumpuan perlu diberikan kepada orientasi pembangunan yang berteknologi tinggi dan MSC.


2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL.2/2019

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang Bil.2/2019 di sokong oleh Encik Hazimun Rahmat bin Mohammad dan disahkan tanpa pindaan.

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 PELAKSANAAN DAN PENGLIBATAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSEPANG) DALAM GREEN TECHNOLOGY APPLICATION FOR THE DEVELOPMENT OF LOW CARBON CITIES (GTALCC) PROJECT

i) SELANGOR INTELLIGENT TRANSPORT SYSTEM (SITS) (TRAINING)



Satu 'Training' SITS telah diadakan pada **20 Jun 2019** melibatkan pegawai dan kakitangan seramai 20 orang.

Promosi penggunaan Mobile Apps 'Selangor Intelligent Transport System' ini juga telah dibuat melalui penyertaan pameran di Putrajaya sempena National Planning Congress bertemakan 'Smart City' pada **5 November 2019**

Selain itu melalui promosi di Facebook Pages : **BAS SMART SELANGOR MPSEPANG** bagi tujuan pemakluman pantas kepada pengguna Bas Percuma berhubung aktiviti, aduan, makluman kerosakan bas, situasi trafik (jika perlu), laluan baru dan lain-lain berkaitan Bas Smart Selangor MPSepang.



Tindakan :
Unit Pengangkutan, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
SEDA Malaysia (Team GTALCC)
Rapid Bus Sdn Bhd

ii) URBAN FARMING DAN COMMUNITY GARDEN DI CYBERJAYA (PROMOSI)

Promosi bagi projek “Urban Farming and Community Garden in Cyberjaya” sedang dilaksanakan menerusi beberapa kaedah seperti berikut :

- a) Penyediaan risalah dan video bagi hebahan (peringkat semakan)
- b) “Presentation’ dan “Talks” oleh pembekal sistem kepada Stakeholders di Cyberjaya iaitu tiga (3) kali iaitu pada 23 Disember 2019, 30 Disember 2019, dan 6 Januari 2020.
- c) Pemasangan satu (1) sistem Aquaponic untuk diletakkan di pejabat MPSepang untuk dijadikan “showcase”. Cadangan ini masih di peringkat semakan oleh Jabatan Kawalan Bangunan.



Tindakan :

*Unit Smart City Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
SEDA Malaysia (Team GTALCC)
Urban Farm Tech Sdn Bhd*

iii) SISTEM ‘SMART WASTE MANAGEMENT’ BAGI PERUMAHAN BERBILANG TINGKAT. PILOT PROJEK DI CYBERJAYA (TRAINING)

Tujuan ‘Training’ SWM ini adalah lebih memfokuskan kepada pengumpulan data penjanaaan sampah dan juga pemantauan penyelenggaraan/kutipan sampah yang akan memberikan ‘signifikan’ kepada tugas harian oleh MPSepang bagi tujuan analisis dan seumpamanya.

Satu (1) sesi bengkel berkenaan “*Smart Waste Management Workshop and Configuration*” akan diadakan pada **19hb Disember 2019**. Bengkel ini akan dihadiri oleh urusetia (Jabatan Perancangan Bandar), Jabatan Kesihatan Persekitaran, Unit Teknologi Maklumat dan KDEB Waste Management Sdn Bhd yang akan disampaikan oleh Kolaborator / Perunding yang dilantik oleh pihak Angkasa, MOSTI / MESTECC iaitu Geoinfo Services Sdn Bhd.

Tindakan :

*Unit Smart City/Green Technology, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kesihatan, MPSepang
SEDA Malaysia (Team GTALCC)
Geolnfo Sdn Bhd
KDEB*

3.2 **CADANGAN PELAKSANAAN EPC (ENERGY PERFORMANCE CONTRACT) BAGI PEMASANGAN LAMPU LED (LIGHT EMITTING DIODE) DI CYBERJAYA DI BAWAH INISIATIF ‘SMART & LOW CARBON CITY’, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**

Jabatan Kejuruteraan telah menerima permohonan daripada dua (2) stakeholder Cyberjaya iaitu Cyberview Sdn Bhd dan Allo Technology Sdn Bhd berkenaan ‘Smart Lighting’.

Persetujuan antara Stakeholder bagi pelaksanaan EPC telah dibahagikan dan pelaksanaan adalah seperti berikut:

- a) **Projek Pemasangan ‘Smart Street Lighting’ di Persiaran Semarak Api oleh Majlis Perbandaran Sepang**
- Projek siap sepenuhnya



- b) **Projek Pemasangan ‘Smart Street Lighting’ di Persiaran Multimedia oleh Cyberview Sdn Bhd & Allo Technology Sdn Bhd**

Kerjasama oleh ‘Cyberjaya Stakeholder’ ditangguhkan kerana pihak Allo Technology Sdn Bhd hanya mendapat 50 unit ‘smart devices’ (Dari Terragraph) dan tidak mencukupi untuk pemasangan di Persiaran Multimedia. Pihak Allo telah memasang alat ‘terragraph’ tersebut di ‘Magic Campus’ untuk pengujian.

Tindakan :

*Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
Unit Smart City/Green Technology, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Cyberview Sdn Bhd
Allo Technology Sdn Bhd*

3.3 **“DETAIL SITE SUITABILITY AND BUSINESS MODEL STUDY FOR ON-SITE WASTE PROCESSING” DI BAWAH KOMPONEN 3 (GTALCC) : LOW CARBON TECHNOLOGY INVESTMENTS IN CITIES OLEH SEDA MALAYSIA**

Pihak Jabatan Kesihatan memaklumkan bahawa perkara ini perlu dirujuk semula kepada Kerajaan Negeri dan perbincangan semula bersama pihak perunding yang melaksanakan kajian perlu diadakan. Dicadangkan supaya kajian ini dibentangkan oleh pihak Konsultan / SEDA Malaysia di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau Negeri Selangor pada mesyuarat akan datang.

Tindakan

*Unit Smart City/Green Technology, Jabatan Perancangan Bandar
Jabatan Kesihatan Persekitaran
SEDA Malaysia (GTALCC)
KDEB Waste Management*

3.4 **CADANGAN PENILAIAN BANDAR RENDAH KARBON BAGI ZON CYBER 1, CYBERJAYA SELUAS 401.92 HEKTAR (993.16 EKAR) (TAHUN 2016 – 2018) SECARA ‘CITY BASED APPROACH’ UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**



MPSepang telah mendapat Pengiktirafan Low Carbon Cities 2030 Challenge bagi “Diamond Recognition” yang telah diadakan semasa ‘International Green Exhibition Malaysia (IGEM 2019) di KLCC pada 9hb Oktober 2019 bagi Zon Cyber 1, Cyberjaya dengan pengurangan kadar pelepasan karbon sebanyak 33.69 peratus (4 Diamond).

Pihak MPSepang juga telah memberikan penghargaan kepada Stakeholder di Cyber 1 pada 21 Oktober 2019 sempena Majlis Townhall Bandar Pintar dan Rendah Karbon Cyberjaya.



Penghargaan disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar Selangor
Tindakan Pasukan Kerja ‘Smart & Low Carbon City’ (SLCCF) Greentech Malaysia

3.5 **STATUS PEMANTAUAN, PENYELENGGARAAN DAN OPERASI 32 UNIT CCTV DI BAWAH PROJEK MERS999 / BANDAR PINTAR CYBERJAYA DAN 50 UNIT CCTV DI BAWAH PROJEK SELANGOR STATE CCTV UNTUK DAERAH SEPANG**

Mesyuarat mengambil maklum status 50 CCTV di Daerah Sepang dan 32 CCTV di Cyberjaya. Keberkesanan penggunaan CCTV ini akan dibuat analisa samada membantu mengurangkan jenayah atau aliran trafik. Pihak Polis dan Jabatan Penguatkuasa dengan dibantu oleh syarikat Vadslife adalah dipohona untuk membuat analisa impak atau tahap keberkesanan CCTV. Tuan Pengerusi menegaskan kepentingan kualiti rakaman CCTV sedia ada supaya dapat digunakan untuk tujuan siasatan. Justeru itu, perhatian yang lebih terhadap kualiti kamera CCTV ini.

Mesyuarat dimaklumkan melalui Unit ICT bahawa pihak Kerajaan Negeri dalam proses menambah 5,000 Unit CCTV di seluruh PBT di Negeri Selangor memandangkan teknologi CCTV sedia ada telah melebihi 6 tahun. ‘Refreshment Technology’ sepatutnya perlu dibuat setiap lima (5 Tahun). Perkara ini masih lagi diperingkat perbincangan bersama pihak SSDU, MBI.

Tindakan Jabatan Penguatkuasaan IPD Sepang / Balai Polis Cyberjaya Vadslife Sdn Bhd, Unit ICT

3.6 **CADANGAN POLISI PENGURUSAN TENAGA DAN PEMBENTUKAN 'SMART ENERGY COMMITTEE' (SEC MPSEPANG) BAGI PELAKSANAAN PROGRAM KECEKAPAN TENAGA (ELEKTRIK & AIR) UNTUK BANGUNAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG DENGAN KERJASAMA 'SUSTAINABLE ENERGY DEVELOPMENT AUTHORITY MALAYSIA' (SEDA MALAYSIA)**



Dokumen Polisi Pengurusan Tenaga Majlis Perbandaran Sepang yang disediakan dengan kerjasama SEDA Malaysia telah siap sepenuhnya. SEC (Smart Energy Committee) juga telah dibentuk di mana Pengurus Tenaga adalah Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang.

Susulan itu, pihak Majlis telah berjaya mendapat satu (1) **Diamond** melalui 'Persijilan SEDA Malaysia Sustainable Energy Low Carbon Building Assessment Greenpass Operation' bagi pengurangan kadar pelepasan karbon sebanyak **2.46 peratus bersamaan 29.73 tonne CO₂/year atau 42,840 KWh/year** bagi Bangunan Majlis Perbandaran Sepang

Manakala bagi cadangan pemasangan Panel Solar oleh syarikat GSPARX (anak syarikat TNB), pihak Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang masih dalam proses meneliti semula kerja-kerja pembaikan bumbung bangunan pejabat MPSepang sebelum projek pemasangan panel solar diteruskan.

Tindakan
*Pasukan SEC (Smart Energy Committee) MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang*

3.7 **CADANGAN PELANCARAN KEBUN KEJIRANAN DESA PINGGIRAN PUTRA (KEBUN IKON) DI BAWAH PROGRAM LOCAL AGENDA 21, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**

Pihak MPSepang telah mendapat kelulusan pada 2 Disember 2019 daripada Pengarah PTG Selangor bagi permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di bawah Seksyen 65, Kanun Tanah Negara di atas tanah rizab kerajaan (zon penampakan / kawasan hijau) seluas lebih kurang 1.3 ekar di plot 6, Taman Desa Pinggiran Putra, Mukim Dengkil, Daerah Sepang bagi tujuan tanaman kontan. Kelulusan ini disampaikan melalui surat daripada Pejabat Tanah dan Daerah Sepang bertarikh pada 4 Disember 2019. Justeru itu, satu Majlis Pelancaran Kebun Kejiranan di Desa Pinggiran Putra ini telah ditetapkan pada **29 Disember 2019 (Ahad)** dengan kerjasama Persatuan Penduduk Desa Pinggiran Putra.

Tindakan
*Jabatan Perancangan Bandar (Sekretariat / Unit LA21)
Persatuan Penduduk Desa Pinggiran Putra 2
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta*

3.8 **CADANGAN PEMBANGUNAN MAEVI (SMART HOME AUTOMATION W/C ENERGY EFFICIENCY MONITORING & SECURITY) OLEH TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB) SECARA KOLABORASI DENGAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG OLEH MAEVI SDN BHD (ANAK SYARIKAT TNB)**

Cadangan ini diteruskan oleh Jabatan Kawalan Bangunan di mana perlantikan kontraktor bagi kerja-kerja pemasangan 'DPM (Digital Power Meter) dan kerja-kerja infrastruktur seperti pemasangan kabel telah di buat.

'Dashboard' bagi sistem ini akan diuruskan oleh pihak Unit Teknologi Maklumat, MPSepang

Tindakan
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Unit Teknologi Maklumat, MPSepang

3.9 **CADANGAN PROGRAM KOMUNITI KEPOLISAN ('POLICING COMMUNITY') DAN PENCEGAHAN JENAYAH MELALUI PENDIDIKAN DI BAWAH PROGRAM BANDAR SELAMAT, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG SECARA KOLABORASI DENGAN JABATAN PENDIDIKAN DAERAH SEPANG, IBU PEJABAT POLIS DAERAH SEPANG DAN KIPMALL KOTA WARISAN**



Mesyuarat secara dasar bersetuju terhadap Cadangan **Program 'Policing Community' yang ditetapkan pada 24 Ogos 2019 (Sabtu) di KIP Mall, Kota Warisan**. Program 'Policing Community' ini telah diadakan dengan jaya dan melibatkan kerjasama **13 Sekolah Menengah** di Daerah Sepang. Objektif program adalah untuk memberikan pendedahan kepada pengajar dan juga para pelajar sekolah berkenaan pencegahan pelbagai jenayah seperti jenayah jalanan, jenayah harta benda, jenayah siber, dan seterusnya mengelakkan risiko menjadi mangsa. Taklimat interaktif yang disertakan dengan demo kesedaran serta tips pencegahan jenayah yang dipimpin oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia atau MCPF (Malaysian Crime Prevention Foundation)

Mesyuarat juga bersetuju bagi pemasangan tip pencegahan jenayah di enam (6) sekolah dahulu sebagai 'Pilot Projek'.

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi
2. Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi
3. Sekolah Menengah Putra Perdana
4. Sekolah Kebangsaan Taman Putra Perdana
5. Sekolah Menengah Kebangsaan Dengkil
6. Sekolah Menengah Dato' Abu Bakar Baginda

Contoh 'design Wall Stickers' di 'Staircase' dan dinding Sekolah bagi tips pencegahan jenayah melalui Pendidikan di sekolah rendah dan sekolah menengah di bawah Program Bandar Selamat MPSepang



Sek Keb Bandar Baru Salak Tinggi

**Tindakan
PDRM / IPD Sepang
Jabatan Perancangan Bandar
MPSepang
Jabatan Pendidikan MPSepang
Semua Ahli Majlis**

3.10 **CADANGAN PEMAKAIAN GARIS PANDUAN REKABENTUK BANDAR SELAMAT (CPTED / CRIME PREVENTION THROUGH ENVIRONMENTAL DESIGN), BANDAR PINTAR (SMART CITY) DAN BANDAR RENDAH KARBON (LCCF) DI PERINGKAT PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG, PELAN KERJA TANAH, PELAN BANGUNAN DAN PELAN LANDSKAP, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**



Mesyuarat secara dasar bersetuju supaya Garis Panduan ini dijenamakan semula kepada **Garis Panduan Pembangunan Mampan @Sepang (GPPMS)**

Garis Panduan Pembangunan Mampan @Sepang (GPPMS) dilancarkan pada **21 Oktober 2019** oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor semasa Majlis Townhall Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Rendah Karbon Cyberjaya.

Penguatkuasaan GPPMS telah ditetapkan pada **Januari 2020**.

Sesi teach-in / taklimat kepada para profesional telah diadakan pada **10 Disember 2019** di Seminar Ke Arah Pembangunan Mampan @Sepang.

GPPMS ini boleh dimuat turun di web : smart.mpsepang.gov.my



10 Disember 2019 (Selasa) | Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya

**Tindakan
Semua Jabatan Teknikal, MPSepang
Semua Agensi Teknikal luaran
Semua Ahli Majlis**

4.0 PERKARA YANG DI BINCANGKAN

4.1 CADANGAN PENGGUNAAN "BIKE SHARE" DAN E-SCOOTER SEBAGAI MOD 'FIRST MILE LAST MILE' DI CYBERJAYA

Merujuk kepada maklum balas pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berkaitan penggunaan e-Scooter berdasarkan cabutan minit **Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri Selangor Bil.2/2019** yang dipengerusikan oleh **Yang Berhormat Tuan Ng Sze Hang, EXCO MMKN / Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri Selangor** yang bersidang pada **26 Ogos 2019** adalah seperti berikut :

- i) eScooter diklasifikasikan sebagai basikal elektrik kerana mempunyai had laju 20 km/j dan tidak boleh didaftarkan di dalam sistem kenderaan JPJ disebabkan tidak memenuhi syarat kelayakan seperti tiada nombor chasis dan had kelajuan.
- ii) Mempunyai kebolehan mendaki dengan 'gradien' 20 peratus ; dan
- iii) Tidak boleh diklasifikasikan sebagai kenderaan dan penggunaannya tertakluk kepada basikal serta menggunakan laluan basikal atau pejalan kaki. Perlu mematuhi peraturan sekiranya digunakan di atas jalan raya

Mesyuarat juga dimaklumkan oleh pihak Urusetia bahawa penggunaan e-Scooter di Singapura tidak dibenarkan dan diharamkan untuk digunakan di laluan pejalan kaki kerana menyebabkan berlakunya konflik dan kemalangan. Walaubagaimanapun, penggunaan eScooter dibenarkan di laluan basikal.

KEPUTUSAN MESYUARAT

Mesyuarat mengambil maklum ulasan daripada pihak JPJ Selangor dan e-Scooter yang beroperasi di Cyberjaya disyorkan untuk menggunakan laluan basikal sahaja. Laluan pejalan kaki adalah tidak dibenarkan bagi mengelakkan berlakunya kemalangan dengan mengambil iktibar dan pengalaman daripada negara Singapura.

Perancangan dan pembangunan di masa akan datang perlu membuat pengasingan antara laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal atau laluan bermotor bagi mengurangkan konflik dan kemalangan serta dalam masa yang sama menggalakkan penggunaan basikal bagi tujuan mencapai mod 'First Mile Last Mile'.

Tindakan
Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
Majlis Perbandaran Sepang
(Unit Pengangkutan, Unit Smart City)
Jabatan Penguatkuasa
Stakeholder di Cyberjaya

4.2 **CADANGAN MENINGKATKAN TAHAP KESEDARAN AWAM BERHUBUNG PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR (SMART CITY), BANDAR SELAMAT, BANDAR RENDAH KARBON DAN KEMPEN CEKAP TENAGA SERTA PEMBANGUNAN MAMPAN MELALUI HEBAHAN ANIMASI SECARA KOLABORASI ANTARA MAJLIS PERBANDARAN SEPANG DAN WAU ANIMATION SDN BHD.**



Pihak Wau Animation Sdn Bhd yang merupakan pemilik animasi terkini "Ejen Ali" telah mencadangkan supaya menggunakan 'Kaptan Sepang' yang 'Stylo' bagi mempromosikan karektor 'Smart City' dan penguatkuasaan di Daerah Sepang dan Cyberjaya khususnya.

Pihak Wau Animation telah mengemukakan 'Rollout Plan' dan kos seperti berikut :

1. Aset Creation & Modelling (New Mascot in 3D Animation) (2 Weeks) : RM15,000
 2. Storyboard Development & Ideation (2 Weeks) (2 Amendment) : RM10,000
 3. 60 saat Animation + Render & Compositing (3 Weeks) (2 Amendment) : RM90,000
 4. Music Composition, Sound Effects, Voice Talent & Final Mix : RM10,000
 5. 3 Generic Poses of the Mascot in 3D (Complimentary)
- Jumlah = **RM 125,000**
6% SST= **RM. 7,500**
Jumlah Keseluruhan : RM132,500
Hakcipta : Majlis Perbandaran Sepang



KEPUTUSAN MESYUARAT

Mesyuarat secara dasarnya telah bersetuju supaya cadangan Kaptan Sepang ini digunapakai bagi tujuan mempromosikan pembangunan 'Smart City', Pembangunan Mampan, Bandar Mampan, Bandar Selamat di Cyberjaya dan Daerah Sepang. Cadangan Kaptan Sepang juga tidak bercanggah dengan (Maskot TMS) yang lebih mempromosikan pelancongan di Daerah Sepang, manakala Kaptan Sepang mempromosikan elemen Smart City, penguatkuasaan dan pembangunan mampan di Daerah Sepang.

Mesyuarat juga bersetuju dengan kos dan 'rollout' yang dikemukakan. Pihak Urusetia di pohon untuk mengambil tindakan selanjutnya bersama pihak Wau Animation Sdn Bhd.

Tindakan

*Unit Smart City/Green Technology, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Perancangan Bandar
Unit Korporat & Perhubungan Awam
Wau Animation Sdn Bhd*

4.3 LAPORAN AKHIR KAJIAN PELAN INDUK LALUAN PEJALAN KAKI DI CYBERJAYA, DAERAH SEPANG

Kajian ini dibentang oleh **Puan Siti Nadiah binti Mohamed Saian, Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang**. Tujuan kajian ini dibentangkan adalah untuk memperakukan kajian dengan matlamat menghasilkan satu (1) Pelan Induk Laluan Pejalan Kaki di Cyberjaya yang berkesinambungan antara satu lokasi ke satu lokasi yang lain serta mesra pengguna.

Penemuan Kajian

- Laluan pejalan kaki sedia ada di Cyberjaya adalah sepanjang 76.48 kilometer dengan tiga (3) jenis kelebaran iaitu 2 meter, 1.5 meter dan 1 meter.
- Turapan yang digunakan adalah 'Concrete Imprint', 'Broom Finish', 'Interlocking Pavement (Jubin, Batu Bata & 'Braille Block')
- Elemen-elemen yang diambil kira seperti kemudahan perabot jalan, landskap (pokok teduhan, pokok renek), laluan cecondong (ramp), lintasan belang (zebra crossing), lintasan lampu isyarat, median jalan, 'refuge island' dan 'desire path'.

Isu dan Masalah

- Kurang kesinambungan laluan pejalan kaki
- Kurang penyelenggaraan laluan pejalan kaki (kebersihan landskap dan penjagaan material)
- Kurang penerapan elemen rekabentuk bandar selamat (wujud ruang tersembunyi, tiada zon penampakan dan kurang mesra OKU)

Cadangan Umum

- Antara cadangan umum seperti kesinambungan laluan pejalan kaki, elemen rekabentuk bandar selamat (pencahayaan dan mesra OKU), 'traffic calming', lampu isyarat (jenis 'countdown') dan penyediaan perabot jalan.

Cadangan Khusus

- Kawasan 1 : Cadangan pembinaan jejantas antara SkyPark dan Stesen MRT Cyberjaya Utara
- Kawasan 2 : Cadangan menyambung laluan pejalan kaki daripada LUCT (Lim Kok Wing University Creative & Technology) ke stesen MRT Cyberjaya City Centre.
- Kawasan 3 : Cadangan laluan pintas di antara stesen MRT CCC bagi pembangunan di Jalan Teknokrat.
- Kawasan 4 : Cadangan laluan pintas daripada Shaftbury Residence – Cottage Walk
- Kawasan 5 : Cadangan penerapan elemen landskap, 'Public Art' di sepanjang Persiaran Flora.

KEPUTUSAN MESYUARAT

- a). Mesyuarat memperakukan Kajian Pelan Induk Laluan Pejalan Kaki di Cyberjaya yang dibuat secara 'In-House' oleh Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
- b). Mesyuarat juga bersetuju supaya Jabatan Landskap melaksanakan kerja-kerja menyelenggara laluan pejalan kaki sedia ada berdasarkan kepada isu dan masalah di dalam Kajian Laluan Pejalan Kaki di Cyberjaya.

- c). Mesyuarat bersetuju menerima pakai Laporan Pelan Induk Laluan Pejalan Kaki Cyberjaya, Majlis Perbandaran Sepang sebagai dokumen rujukan pihak Majlis di dalam pelaksanaan projek.

Tindakan
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Landskap, MPSepang
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
Semua Jabatan MPSepang

4.4 PENGUATKUASAAN GARIS PANDUAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA

Garis Panduan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak dibentang oleh **Puan Noor Faradila binti Paiman dari Pusat Penyelidikan Keselamatan Kenderaan dan Biomekanik, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)**. Tujuan pembentangan ini adalah untuk mendapatkan maklumat berhubung garis panduan dan penguatkuasaan kerusi keselamatan kanak-kanak.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Garis Panduan Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak ini akan digunapakai bermula pada 1 Januari 2020 dan penguatkuasaan penggunaan kerusi keselamatan ini akan dikuatkuasakan pada bulan Julai 2020.

Penggunaan kerusi keselamatan bertujuan untuk melindungi kanak-kanak sekiranya berlakunya kemalangan jalanraya dengan cara mengurangkan risiko kecederaan yang dialami oleh kanak-kanak tersebut. Dari aspek perundangan, Kerusi Keselamatan Kanak-kanak ini telah dikuatkuasakan dibawah Pewartaan UN pada tahun 2011 : Tali Pinggang Keledar UN R14 & R16, Tahun 2013 : CRS UN R44, Tahun 2015 : ECRS UN R129.

Setiap kerusi keselamatan kanak-kanak yang dikeluarkan untuk digunakan akan mempunyai Label QR yang mengandungi logo MIROS yang perlu dilekatkan di kerusi tersebut.

Perincian Garis Panduan Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak tersebut boleh diperolehi laman web : www.miros.gov.my atau Google Search : Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak MIROS.

Kanak-kanak yang mempunyai ketinggian 135 cm ke bawah diwajibkan menggunakan Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak mengikut tahap ketinggian dan berat berdasarkan Peraturan UN R44 dan R129. Kategori, ketinggian, berat, anggaran umur serta jenis tempat duduk adalah seperti berikut :

Kategori	Tinggi / Berat	Anggaran Umur
Kumpulan 0/0+	Tinggi : 83cm Berat : 9kg – 13kg	0 – 18 bulan
Kumpulan 1	Tinggi : 71cm Berat : 9kg – 18kg	15 bulan – 4 tahun
Kumpulan 2	Tinggi : 100cm Berat : 15kg – 25kg	4 – 7 tahun
Kumpulan 3	Tinggi : 135cm Berat : 25kg – 36kg	6 tahun ke atas

Nota : Untuk perincian, sila rujuk buku Garis Panduan Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak

KEPUTUSAN MESYUARAT

Mesyuarat mengambil maklum berhubung Garis Panduan Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak yang akan digunapakai bermula pada 1 Januari 2020 dan penguatkuasaan penggunaan kerusi keselamatan ini akan dikuatkuasakan pada bulan Julai 2020.

Mesyuarat mengambil maklum, perincian Garis Panduan Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak tersebut boleh diperolehi di laman web : www.miros.gov.my atau Google Search : Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak MIROS.

Tindakan
MIROS (Malaysian Institute of Road Safety Research)
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Semua Jabatan

4.5 STATUS KEMAJUAN PENYEDIAAN 'BUS STOP SMART SELANGOR' DI D'PULZE SHOPPING COMPLEX, CYBERJAYA, DAERAH SEPANG



Projek pembinaan 'Bus Stop Smart Selangor' dibentangkan oleh **Encik Ahmad Khairee bin Ahmad Julaihi** dari **Smart Selangor Delivery Unit (SSDU), Menteri Besar Incorporated (MBI)**. Tujuan pembentangan ini adalah untuk mendapatkan status terkini kemajuan projek.

Projek Smart Selangor Bus Stop (SBS) bermula pada April 2018 di mana terdapat 10 SBS dibina di seluruh negeri Selangor. Ia adalah untuk mengubah konsep perhentian bas sedia ada ke arah yang lebih efektif dan selamat. Bukan hanya sekadar tempat menunggu bas, perhentian bas adalah tempat yang mempunyai pelbagai fungsi asas walaupun sebelum ia 'dipintarkan'.



SSDU telah merangka Perhentian Bas Pintar yang bukan sahaja sebuah tempat menunggu, malah lebih daripada itu. Perhentian Bas Smart Selangor yang boleh memenuhi keperluan orang awam pada masa kini dengan elemen asas beserta elemen pintar yang sedia ada.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kemajuan projek ditapak adalah 74.2 peratus. Pemeriksaan pertama (1) telah diadakan pada 1 November 2019 yang melibatkan Jabatan Kawalan Bangunan (Struktur Perhentian Bas), Jabatan Kejuruteraan (Elektrik). Penyerahan akhir akan dibuat kepada pihak MPSepang setelah selesai sepenuhnya.

KEPUTUSAN MESYUARAT

- a). Mesyuarat mengambil maklum bahawa kemajuan projek ditapak adalah 74.2 peratus. Pengerusi memohon supaya pemantauan terhadap projek ini perlu diutamakan dan memastikan elemen pintar berfungsi dengan baik sebelum diserahkan kepada pihak MPSepang
- b). Rekabentuk 'Bas Smart Selangor' ini juga perlu diteliti semula oleh pihak SSDU supaya lebih efektif dan 'functional'.

Tindakan

*SSDU (Smart Selangor Delivery Unit), Menteri Besar Incorporated (MBI)
Unit Pengangkutan, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
Unit ICT, MPSepang*

4.6 PRESTASI 'RIDERSHIP' (BILANGAN PENUMPANG) BAS SMART SELANGOR (BAS PERCUMA) MAJLIS PERBANDARAN SEPANG SEPANJANG TAHUN 2019 (JAN – DIS) SECARA PERBANDINGAN DENGAN TAHUN 2018.

Prestasi 'Ridership' Bas Smart Selangor MPSepang dibentangkan oleh **Haji Shahrul Anif dari Rapid Bus Sdn Bhd (Network Division)**. Tujuan pembentangan ini adalah untuk mendapatkan maklumbalas daripada operator Bas Smart Selangor MPSepang iaitu Rapid Bus yang telah beroperasi sejak 2017 hingga kini. Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bas Smart Selangor MPSepang mempunyai 10 buah bas dengan empat (4) laluan. Ringkasan butiran adalah seperti berikut :

LALUAN SPG 1 – TANJUNG SEPAT – ERL SALAK TINGGI VIA KLIA 2

Jarak Perjalanan : **145 KM**
Jumlah Perhentian bas : **29** (Inbound) **36** (Outbound)
Jumlah Bas Beroperasi : **4 bas**
Masa Perjalanan : **120** minit sehala
Jumlah Penumpang : **25,000** hingga **29,000** orang per bulan

LALUAN SPG 2 – BANDAR BARU SALAK TINGGI – ERL SALAK TINGGI VIA KLIA 2

Jarak Perjalanan : **61 KM**
Jumlah Perhentian bas : **15** (Inbound) **15** (Outbound)
Jumlah Bas Beroperasi : **2 bas**
Masa Perjalanan : **60** minit sehala
Jumlah Penumpang : **23,000** hingga **27,000** orang per bulan

LALUAN SPG 3 – TAMAN SEROJA – CYBERJAYA

Jarak Perjalanan : **57 KM**
Jumlah Perhentian bas : **37** (Inbound) **37** (Outbound)
Jumlah Bas Beroperasi : **2 bas**
Masa Perjalanan : **90** minit sehala
Jumlah Penumpang : **2,000** hingga **6,000** orang per bulan

LALUAN SPG 4 – TAMAN SEROJA – HOSPITAL SERDANG

Jarak Perjalanan	: 19.7 KM
Jumlah Perhentian bas	: 25 (Inbound) 24 (Outbound)
Jumlah Bas Beroperasi	: 2 bas
Masa Perjalanan	: 90 minit sehalu
Jumlah Penumpang	: 2,000 hingga 6,000 orang per bulan

KEPUTUSAN MESYUARAT

- a). Mesyuarat mengambil maklum dan memperakukan laporan 'Ridership' (bilangan penumpang) oleh Rapid Bus Sdn Bhd bagi empat (4) laluan Bas Smart Selangor (Bas Percuma) di kawasan Majlis Perbandaran Sepang.
- b). Mesyuarat mengambil maklum bahawa laluan SPG 3 dan laluan SPG 4 akan digantikan dengan Bas Coaster Smart Selangor MPSepang bermula pada 1 Januari 2020. Satu (1) Majlis pelancaran Bas Coaster Smart Selangor MPSepang akan diadakan dan telah ditetapkan pada 14 Januari 2020 yang akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri Selangor.
- c). Mesyuarat juga mengambil maklum berhubung cadangan menambah laluan baru (SPG 5) daripada Puchong melalui Taman Putra Perdana – Cyberjaya dan Putrajaya Sentral. Perkara ini telah diangkat untuk kelulusan Kerajaan Negeri. Walaubagaimanapun, laluan tersebut perlu dibiayai oleh pihak MPSepang sekiranya untuk dilaksanakan. Perkara ini akan dibincangkan semula sekiranya operasi bas diletakkan sepenuhnya di bawah Pentadbiran PBT di masa akan datang.

Tindakan
Rapid Bus Sdn Bhd
Unit Pengangkutan, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang

4.7 PELAPORAN STATISTIK JENAYAH KEKERASAN DAN JALANAN SERTA JENAYAH HARTA BENDA, STATISTIK KEMALANGAN JALANRAYA DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI JANUARI 2019 HINGGA NOVEMBER 2019 SECARA PERBANDINGAN TAHUN 2018.

Pembentangan disampaikan oleh ASP Tuan Mohd Sobri bin Taib, Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, IPD Sepang bagi bulan Januari 2019 hingga November 2019 secara perbandingan data tahun 2018.

Berdasarkan perbandingan dan analisa statistik jenayah di Daerah Sepang bagi jenayah kekerasan mendapati terdapat penurunan sebanyak 16.13 peratus bagi tahun 2019 berbanding 2018. Walaubagaimanapun, kes bunuh didapati meningkat daripada 3 kes kepada 9 kes pada tahun 2019.

Manakala jenayah harta benda, kes kecurian motosikal didapati terus meningkat sebanyak 21.95 peratus pada tahun 2019 dengan peningkatan sebanyak 9 kes daripada 41 kes kepada 50 kes.

Statistik kemalangan jalan raya pula didapati terus meningkat bagi tahun 2019 dengan jumlah kes sebanyak 7,630 kes kemalangan berbanding 7,207 kes pada tahun 2018.

KEPUTUSAN MESYUARAT

Mesyuarat mengambil maklum mengenai statistik jenayah kekerasan dan jenayah harta benda sepanjang tahun 2019 dan perbandingan tahun 2018. Begitu juga dengan kes kemalangan jalan raya yang berlaku di Daerah Sepang. Walaubagaimanapun, mesyuarat memutuskan supaya kes kemalangan jalan raya yang melibatkan jalan-jalan di bawah Pentadbiran MPSepang dapat diperincikan supaya tindakan khusus dapat diambil.

Tindakan

*Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang (IPD / PDRM)
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Penguatkuasaan, MPSepang*

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 STATUS DAN CADANGAN PEMBINAAN BALAI POLIS

Encik Rushdan bin Mohamed, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk Zon Putra Perdana memohon supaya mana-mana Balai Raya dapat dipertimbangkan oleh pihak Polis untuk dijadikan Balai Polis. Walaubagaimana tawaran tersebut tertakluk kepada pengurusan dan pentadbiran pihak PDRM.

Tindakan

*Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang (IPD / PDRM)
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Penguatkuasaan, MPSepang*

5.2 PEMANTAUAN KENDERAAN BERAT SECARA BERKALA OLEH JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)

Pihak JPJ di pohon untuk mengadakan operasi kenderaan berat di kawasan Taman Putra Perdana dan Jenderam Hulu dan Jenderam Hilir serta mengambil tindakan terhadap lori-lori yang membawa muatan berlebihan serta memakir di dalam taman-taman perumahan.

Tindakan

*Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
Jabatan Penguatkuasaan, MPSepang
Pejabat Daerah dan Tanah Sepang*

5.3 KAJIAN KEBERKESANAN PENGASINGAN SAMPAH DAN PROGRAM KITAR SEMULA 'RECYCLE'

Cadangan supaya satu Kajian Keberkesanan Pengasingan Sampah dan Program Kitar Semula (Recycle) dilaksanakan bagi mengenalpasti impak dan kejayaan program. Usul / Cadangan ini disampaikan oleh Dr Teo, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang

Tindakan

Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MPSepang

5.4 **KAJIAN MENGURANGKAN KADAR KEMALANGAN JALAN RAYA KHUSUSNYA DI KAWASAN YANG KERAP BERLAKU KEMALANGAN**

Cadangan supaya satu Kajian bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya khususnya di kawasan yang kerap berlakunya kemalangan. Cadangan ini diusulkan oleh Encik Rusydan, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang.

Tindakan
Jabatan Kerja Raya (JKR)
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang (IPD / PDRM)

5.5 **PEMANTAUAN OLEH PIHAK POLIS BAGI ISU KES PERAS UGUT KEPADA KONTRAKTOR OLEH PIHAK 'GANGSTER' DI WAKTU MALAM**

Pihak JKR memohon bantuan pihak Polis untuk meningkatkan rondaan khususnya bagi kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja-kerja pembaikan jalan di waktu malam. Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat kejadian peras ugut atau mengambil duit oleh sekumpulan 'Gangster' daripada pihak kontraktor yang dilantik oleh pihak JKR khususnya di waktu malam. Mesyuarat memutuskan supaya pihak JKR dapat menyalurkan maklumat secara terus kepada pihak IPD Sepang bagi kawasan-kawasan yang akan dilaksanakan kerja-kerja pembaikan tersebut supaya pihak Polis dapat mengambil tindakan pantas dan sewajarnya.

Tindakan
Jabatan Kerja Raya (JKR)
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang (IPD / PDRM)

6.0 **PENANGGUHAN MESYUARAT**

Mesyuarat ditangguh pada jam 1.40 petang.